

TEKS UCAPAN PELANCARAN NAIB CANSELOR

BRIG. JEN. PROF. DATUK SERI PANGLIMA

DR. KAMARUZAMAN HJ. AMPON

DI MAJLIS PELANCARAN My CPD

14 APRIL 2010

Bismillahrir Rahmannir Rahim

Asalammualaikum wbt. Dan Salam Sejahtera

Terima kasih Pengacara majlis,

Yang Berusaha Encik Abdullah Hj. Mohd. Said

Pendaftar Universiti Malaysia Sabah

Pegawai-Pegawai Utama UMS

Para Peserta Bengkel,

Tuan-tuan dan Puan-puan, para hadirin sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin merafakkan kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan izin dan rahmat-Nya kita dapat dipertemukan pada hari ini sempena majlis perasmian Bengkel Pemantapan “Sistem Pembelajaran Sepanjang Hayat” (MyCPD) peringkat Universiti Malaysia Sabah (UMS). Syabas dan tahniah kepada jawatankuasa pelaksana yang diketuai oleh Seksyen Pembangunan Profesional dan Kompetensi Jabatan Pendaftar kerana telah berinisiatif untuk menganjurkan bengkel yang berimpak tinggi ini. Ia amat bertepatan kerana sememangnya masih terdapat sebilangan warga kakitangan UMS yang masih belum memahami sepenuhnya apa yang dimaksudkan sistem MyCPD ini.

Para hadirin sekalian

Kecemerlangan yang berterusan merupakan matlamat utama setiap organisasi yang ingin berjaya. Sumber tenaga yang mahir dan berpengetahuan tinggi menjadi idaman dalam memacu kegemilangan agar sentiasa mampu berdiri teguh dikala pelbagai cabaran dan krisis melanda. Sehubungan itu, Universiti Malaysia Sabah dalam usaha untuk terus bergerak maju ke hadapan turut mempelbagaikan langkah-langkah proaktif bagi memastikan universiti yang kita cintai ini kekal di persada mercu kecemerlangan.

Ini termasuklah dengan menggunakan sistem “Pembelajaran Sepanjang Hayat” atau dalam bahasa Inggerisnya “*Continuos Professional Development*” (CPD). Sistem yang baharu dilancarkan pada Januari lalu ini dilihat sangat relevan dengan peredaran zaman pada masa kini terutama dalam memastikan seluruh tenaga kerja sentiasa berusaha meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mengikut skop tugas kerja sehari-hari.

Ia sebagai sahutan terhadap saranan kerajaan hasil cadangan sebahagian daripada penjawat awam di negara ini yang menginginkan penilaian yang berbeza berbanding penilaian sebelum ini. Ianya diambil kira apabila ramai yang berpendapat bahawa penilaian melalui sistem peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) adalah kurang berkesan dalam memangkin pencapaian cemerlang di kalangan kakitangan awam pelbagai peringkat.

Sehubungan itu, UMS yang turut mengambil prihatin terhadap keperluan para kakitangannya telah mengubahsuai sistem peperiksaan PTK ini kepada sistem CPD yang juga mesra dipanggil sebagai MyCPD. Melalui sistem ini setiap kakitangan akan dinilai mengikut mata kredit yang diperoleh melalui penyertaan terhadap kursus-kursus dan latihan yang bersesuaian dengan keperluan dalam skim jawatan yang disandang.

Sistem yang masih berlandaskan kepada sistem asal PTK dilihat lebih telus dan menyeluruh apabila setiap kakitangan boleh memantau jumlah mata kredit dari

semasa ke semasa secara online. Manakala jumlah mata yang telah berjaya mencapai tahap minimum pula boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat dan anjakan gaji.

Selain itu, pelbagai faedah lain turut diperoleh melalui sistem ini. Pembelajaran sepanjang hayat mampu diterapkan dalam diri para kakitangan melalui latihan dan kursus mengikut tugasan kerja masing-masing. Ini sekaligus akan meningkatkan mutu kerja yang lebih berkualiti dan produktif. Kesungguhan kakitangan juga akan lebih terserlah kerana sistem MyCPD sentiasa mengalakkan pengembangan pengetahuan, kemahiran dan sikap tanpa had ruang dan waktu.

Para hadirin sekalian,

Saya telah difahamkan bahawa bengkel selama dua hari ini akan memberi pelbagai informasi dan maklumat berguna kepada seluruh kakitangan UMS yang terlibat menyertainya. Ia bertujuan untuk memantapkan lagi pelaksanaan MyCPD dalam pelbagai aspek. Antaranya termasuklah memperhalusi modul-modul latihan khusus bagi kakitangan akademik dan bukan akademik.

Selain itu, bengkel ini juga akan membawa para peserta sekalian untuk mengetahui aktiviti-aktiviti rasmi universiti yang layak diberi mata CPD. Ia bagi membolehkan warga kakitangan UMS mengetahui mata CPD yang boleh diperoleh melalui penyertaan terhadap sebarang aktiviti rasmi anjuran universiti.

Melalui bengkel ini juga sekaligus akan memberi panduan kepada para kakitangan mengenai jenis sumbangan kepada universiti dan pengiktirafan kepakaran yang diperoleh yang layak untuk mendapat mata CPD. Saya percaya ramai warga kakitangan UMS yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tertentu telah memberi sumbangan dalam pelbagai aspek. Melalui bengkel ini, segala sumbangan yang telah dicurahkan dan kepakaran yang telah diiktiraf

akan dinilai sekaligus dipastikan sama ada ianya layak untuk menerima mata CPD atau sebaliknya.

Sehubungan itu saya menyeru kepada para peserta bengkel sekalian agar menggunakan peluang ini sebaik-baiknya. Jika terdapat sebarang ketidakfahaman atau kekeliruan, jangan malu untuk bertanya. Biarlah bengkel selama dua hari ini akan menjadi medan penimbaan ilmu khusus untuk mengetahui secara mendalam mengenai sistem MyCPD ini.

Para hadirin sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada jawatankuasa pengajur iaitu Seksyen Pembangunan Profesional dan Kompetensi Jabatan Pendaftar yang telah bertungkus lumus berusaha bagi memastikan bengkel ini dapat berjalan dengan lancar. Setinggi-tinggi tahniah juga diucapkan kepada Mejar (K) Abdullah selaku Pendaftar UMS atas komitmen yang ditunjukkan dalam memastikan seluruh kakitangan universiti terus berdaya saing dan sentiasa dilengkapi dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi di dalam bidang tugas kerja masing-masing. Melalui usaha-usaha sebegini ianya pasti akan memartabatkan lagi citra UMS selaku Universiti Elit di Negeri Di Bawah Bayu ini.

Akhir kata, dengan lafadz Bismillah Hirrohmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Bengkel Pemantapan sistem MyCPD peringkat Universiti Malaysia Sabah.

Sekian, Terima Kasih